

28 MAY 1998

LEAD Ghapur - Jawatan

GHAPUR ENGGAN DISENARAI DALAM KABINET BARU SABAH

KOTA KINABALU, 28 Mei (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan dalam barisan lama kabinet Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh hari ini berkata beliau telah meminta untuk tidak disenaraikan dalam barisan baru kabinet Sabah yang telah mengangkat sumpah jawatan mereka masing-masing hari ini.

Bercakap kepada pemberita di Istana Negeri di sini, hari ini beliau berkata, keputusan itu sudah dimaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya sama ada Dr Mahathir telah mempersetujui keputusan beliau itu, Ghapur berkata: "Saya rasa beliau telah mempersetujuinya."

Beliau berada di Istana Negeri pagi ini ketika majlis mengangkat sumpah jawatan oleh Ketua Menteri Sabah baru Tan Sri Bernard Dompok, tetapi kemudian dilihat meninggalkan Istana Negeri sebelum berlangsung majlis penerimaan watakah perlantikan barisan kabinet baru Sabah daripada Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai.

Wartawan yang berada di perkarangan Istana kemudian mengekori beliau ke keretanya untuk mendapatkan kepastian mengenai kenapa beliau meninggalkan majlis berkenaan lebih awal.

"Saya telah memohon kepada Perdana Menteri untuk tidak disenaraikan dalam kabinet negeri Sabah," katanya.

Ketika ditanya kenapa beliau mengambil keputusan itu, Ghapur berkata, sebab-sebab itu adalah sama seperti yang pernah dinyatakan beliau ketika membuat pengumuman peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan pada Disember tahun lepas.

Ghapur pada 13 Dis tahun lepas mengejutkan semua pihak di Sabah apabila mengumumkan keputusan untuk meletakkan jawatan dalam kerajaan serta sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah dengan menyebut masalah peribadi serta kegagalan beliau dalam menjalankan tugas, sebagai alasan.

Bagaimanapun, pada 2 Jan tahun ini, Ghapur menarik balik keputusan beliau itu selepas mendapat nasihat Perdana Menteri agar beliau mempertimbangkan semula keputusan berkenaan.

Ghapur hari ini berkata beliau akan membuat kenyataan mengenai keputusan untuk tidak disenaraikan dalam barisan kabinet negeri Sabah yang baru itu, seminggu dari sekarang.

-- BERNAMA

KG JS WAT